



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**13 FEBRUARI 2017 (ISNIN)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Berita Harian**

- |                                      |    |
|--------------------------------------|----|
| - 'MPAJ usah tutup periuk nasi kami' | 12 |
|--------------------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**13 FEBRUARI 2017 (ISNIN)**

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	'MPAJ usah tutup periuk nasi kami'
Muka Surat	12

Ms.12

Iasnin, 13 Februari 2017 BH

## → HALAMAN KOTA

ISU ROBOH TAPAK GERAI DI BUKIT AMPANG SAUJANA

Sebahagian penjaja membantah MPAJ meruntuhkan tapak gerai mereka di Bukit Ampang Saujana.

### 'MPAJ usah tutup periuk nasi kami'

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin  
mohd.zulkifli@bh.com.my

► Ampang

**S**eramai 23 penjaja yang beroperasi di Bukit Ampang Saujana di sini, kecuali wakil rakyat Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) meruntuhkan tapak gerai di tepi bukit berkenaan, sekali guna meruntuh puncak pendapatan mereka.

Mereka mendakwa tindakan diambil MPAJ pada 27 Januari lalu itu dipengaruhi kepentingan lain, terutama kemungkinan membangunkan kawasan terbatas yang menawarkan pemandangan indah bandar raya Kuala Lumpur.

Tinjauan BH mendapati struktur tapak gerai dibina penjaja di kawasan sepanjang lebih 20 meter terjejas teruk hingga menyebabkan mereka terpaksa berpindah ke bahu jalan untuk terus mencari rezeki.

Pengerusi Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Bukit Ampang Saujana, Anowar Omar, berkata mereka yang sudah berniaga lebih lapan tahun di

kawasan itu kesal dengan tindakan MPAJ serta sikap wakil rakyat yang tidak membantu.

**Promosi pelancongan**

"Kami bertungku lumus mempromosikan kawasan itu sehingga menjadi tarikan pelancong. Sepanjang lapan tahun berniaga, tidak pernah berlaku apa-apa kejadian tidak diingini kerana tebing bukit berkenaan sudah diperkuatkukuh."

"Sebelum ini, kawasan berkenaan hanya mampu mendapat antara RM7 hingga RM20 sehari, jauh lebih rendah berbanding ratusan ringgit hasil jualan ketika beroperasi di Bukit Ampang Saujana," katanya.

Katanya, mereka sudah berulang kali memohon lesen perniagaan sejak lima tahun lalu, namun tidak pernah diluluskan tanpa sebarang alasan walupun sudah memenuhi segala syarat, manakala wakil rakyat lepas tangan atas alasan tiada kuasa untuk membantu.

Beliau mendakwa, keadaan berambah buruk apabila MPAJ menutup kawasan berkenaan selama

enam bulan dan penjaja yang terus berniaga di situ dikenakan saman sehingga RM3,000, malah ada yang mencecah RM12,000.

"MPAJ cadangkan tapak di Ampang Water Front, namun penjaja yang berhantuk ke situ hanya mampu bertahan tiga bulan kerana lokasi terbaik kurang dikunjungi pelanggannya berikutan lokasi tidak strategik, sempit serta banyak sampah sarap."

"Selain itu, kawasan berkenaan hanya mampu mendapat antara RM7 hingga RM20 sehari, jauh lebih rendah berbanding ratusan ringgit hasil jualan ketika beroperasi di Bukit Ampang Saujana," katanya.

Beliau berikata, demi mencari sesuap nasi, penjaja yang bergantung penuh kepada hasil berniaga, terus beroperasi di Bukit Ampang Saujana sehinggalah MPAJ mengambil tindakan drastik pada 27 Januari lalu.

"Kami berulang-ulik ke pejabat MPAJ bagi mendapatkan penjelasan, namun tiada maklum balas diterima walupun beberapa memorandum sudah dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan," katanya.

**Kami bertungku lumus mempromosikan kawasan itu sehingga menjadi tarikan pelancong. Sepanjang lapan tahun berniaga, tidak pernah berlaku apa-apa kejadian tidak diingini kerana tebing bukit berkenaan sudah diperkuatkukuh"**

**Anowar Omar**  
Pengerusi Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Bukit Ampang Saujana

## ADUAN PEMBACA

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke [bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]



Sebahagian penjaja melihat tebing yang dikorek MPAJ di kawasan penjaja di Bukit Ampang Saujana.

## Reaksi



**Rosliza Yusof,**  
Peniaga makanan  
Walaupun hasil jualan di Bukit Ampang Saujana mampu cecah RM200 hingga RM300 semalam, untung bersih hanya sekitar RM50"



**Md Ali Md Noor,**  
Peniaga sate  
MPAJ sepatautnya bantu penjaja Melayu. Ini sahaja mata pencarian saya untuk membesarakan anak"



**Suriawati Kamarudin Nasation,**  
Peniaga  
MPAJ perlu sediakan lokasi lain lebih baik dan strategik, bukan sekadar 'lepas batok di tangga'. Kami bukan orang senang, saya perlu sara tiga anak"



**Bukit Ampang Saujana** lokasi baik, ada pemandangan Kuala Lumpur. Difahamkan ada projek pembangunan dirancang di situ"

**Hamdan Mohd Saleh,**  
Ketua Setiausaha JMM

## Syor jadikan lokasi penjaja tapak pasar malam

**Ampang:** Penjaja di Bukit Ampang Saujana mahu Majlis Perbadanan Ampang Jaya (MPAJ) menjadikan lokasi operasi mereka sebagai tapak tetap pasar malam supaya boleh terus berniaga tanpa perlu dipindahkan ke lokasi lain.

Mereka tidak mahu pisang berbuah dua kali apabila sebelum ini berpindah ke lokasi dicadangkan pihak berkuasa tempatan itu, namun kerugian kerana kawasan baru

tidak strategik dan ada banyak kekurangan.

Penjaja juga mendesak MPAJ membina semula tapak niaga di tebing bukit berkenaan yang dirobohkan pihak berkuasa pada 27 Januari lalu supaya mereka boleh kembali berniaga.

Bagi Rosliza Yusof, 43, yang menjual makanan dan minuman, kehidupannya bersama suami dan lima anak mereka berusia empat hingga 21 tahun iba-

rat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

### Kena saman RM3,000

"Walaupun hasil jualan di Bukit Ampang Saujana mampu cecah RM200 hingga RM300 semalam, untung bersih hanya sekitar RM50, saya memang harap kekal di situ, malah kawasan perniagaan kami boleh dijadikan pasar malam," katanya.

Dia mendakwa pernah disaman RM3,000 oleh MPAJ tahun lalu ker-

rana beroperasi secara haram di Bukit Ampang Saujana sehingga terpaksa menebal mutu meminjam daripada rakan bagi mengelak dihukum penjara berikutkan tidak mampu membayar sampa.

"Jika terus berniaga di Arirang Water Front, saya rasa sudah mustahil kerana modal puisingan pun tak cukup, apa lagi untuk belanja sehari-hari. Saya pernah dapat RM7 semalam berniaga di situ kerana kuang pengunjung berikutkan bau busuk dan kotor," katanya.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Jaringan Melayu Malaysia (JMM), Hamdan Mohd Saleh mahu MPAJ mengatur pertemuan meja bulat dengan penjaja terbatit dan mendengar sendiri masalah mereka.

"Penjaja boleh ikut arahan, malah sudah berpindah pun ke lokasi lain seperti dicadangkan MPAJ, namun tidak dapat bertahan lama lalu kembali beroperasi di Bukit Ampang Saujana," katanya.

## Info

### Bukit Ampang Saujana

- Operasi penjaja 6.30 petang-4 pagi setiap hari
- Jadi tumpuan ramai, terutama ambang tahun baru, Hari Kebangsaan